

Nilai semula hukum hakam silam — PM

Ulama perlu berani

Oleh SITI HATIJA YUSOF
dan P. BALAKUMAR

KUALA LUMPUR 14 Okt. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menyeru ulama Malaysia supaya lebih berani menilai kembali hukum hakam silam bagi menyesuaikan dengan perubahan zaman dan keadaan semasa negara ini.

Perdana Menteri berkata, tindakan itu tidak salah malah ia menjadi tanggungjawab para ulama untuk menilai hukum hakam silam itu agar mengikut peredaran masa.

“Kalau kita tidak berani membuka pintu akal kita kepada tafsiran baru terhadap kaedah silam, maka syariah Islam akan dianggap sebagai tidak dinamik, lesu dan kaku. Sebenarnya bukan syariah yang lesu tetapi akliyah kita barang kali yang kaku.

“Kalau hal ini terjadi, ia bermakna kita kurang faham mengapa Imam Shafie menukar pendapatnya yang dikeluarkan di Iraq apabila beliau menetap di Mesir,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Seminar ‘Undang-Undang Keterangan dan Prosedur di Mahkamah’ anjuran Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) di sini, hari ini.

Dr. Mahathir juga mengadakan dialog selama sejam dengan lebih 100 peserta yang terdiri daripada hakim-hakim mahkamah dan peguam serta mereka yang terlibat dalam bidang guaman dari seluruh negara.

Turut hadir pada majlis berkenaan ialah Menteri Undang-Undang, Datuk Syed Hamid Albar, Pengerusi IKIM, Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Abdul Hamid Othman dan Ketua Pengarah IKIM, Datuk Dr. Ismail Ibrahim.

Menurut Perdana Menteri, hukum hakam silam yang dikeluarkan oleh ulama silam itu bertujuan untuk menjawab persoalan mengenai keadaan di zaman mereka.

Dr. Mahathir berkata, para

■Lihat muka 2

Ulama perlu berani

ulama silam semasa membuat hukum-hukum itu mereka bukanlah berhasrat untuk menjawab persoalan yang timbul lebih 1,000 tahun kemudian.

“Demikian juga dengan ajaran Islam berkenaan poligami. Dalam masyarakat jahiliah yang mana orang yang berada dan berkuasa mempunyai bilangan isteri yang tidak terhad, menghadkan isteri kepada empat orang sahaja merupakan pembatasan terhadap amalan lama..

“Tetapi jika diteliti betul-betul adalah jelas bahawa yang dibenarkan hanya satu sahaja kerana tidak mungkin seorang suami boleh berlaku adil kepada dua, tiga atau empat isteri.” tambah Perdana Menteri.

Dr. Mahathir memberitahu, umat Islam tidak harus menerima tafsiran cetek terhadap sesuatu perkara yang tidak mengambil kira keadilan sosial.

“Apakah kita tidak harus memikir semula bukan untuk menukar ayat-ayat yang terdapat dalam Al-Quran atau hadis, tetapi terhadap tafsiran yang dibuat oleh ulama silam dalam keadaan sosial yang berbeza,” katanya.

Dalam pada itu, Perdana Menteri berkata, prinsip *flexibility* dan kaedah ‘gradation’ dalam perundangan Islam perlu diberi perhatian yang serius semasa menggubal undang-undang termasuk undang-undang Islam.

Dr. Mahathir menjelaskan, undang-undang Islam mempunyai ciri-ciri dinamik yang turut mengandungi elemen fleksibiliti kerana hukum fikah tidak terpisah daripada realiti sosial dan keadaan persekitaran.

“Ia tidak bertujuan untuk menyusahkan, jauh sekali menyeksa umat Islam. Demikian juga dengan undang-undang Islam. Tujuannya bukan untuk mendera tetapi untuk menjadi pengajaran dan untuk kebaikan masyarakat,” ujar beliau.

Katanya, kaedah yang diterima oleh semua ulama fikah itu memberi peluang yang praktikal dalam menerapkan nilai-nilai hukum syarak ke dalam sistem undang-undang negara.

Perdana Menteri berkata, prinsip *flexibility* dan kaedah *gradation* itu bukanlah dijadikan alasan *apologetic* untuk tidak memberi perhatian kepada perkembangan hukum syarak.

“Cuma kita rasa tidak wajar hukum syarak ini dilaksanakan secara terpisah daripada perkembangan aspek-aspek lain seperti sosial, budaya, ekonomi dan politik,” katanya.

Dr. Mahathir menjelaskan, kaedah itu akan pasti memberi ruang bagi perkembangan harmoni kepada hukum syarak di negara ini.

Beliau turut menegaskan, perlunya penyelarasan hak dan tanggungjawab mengenai hal ehwal agama Islam antara Kerajaan Pusat dan negeri diteruskan melalui syura dan perundingan dalam suasana yang baik.

“Memang ada peruntukan undang-undang yang perlu diteliti dan kalau boleh diberi tafsiran baru supaya penerapan nilai-nilai hukum syarak ke dalam undang-undang negara dan penyelarasan antara kuasa Persekutuan dan kuasa negeri dilakukan dengan lebih baik dan berkesan,” katanya.

Perdana Menteri berkata, Mahkamah Syariah harus membuktikan kecekapannya dalam mentadbirkan kehakiman syarak dengan sebaik mungkin.